

# Kerja sukarela beri kepuasan

Sedang ramai pemimpin mapan mengeluh kurangnya 'darah muda' yang tampil melakukan kerja sukarela, Encik Saktiandi Supaat menyerlah sebagai anak muda berjiwa masyarakat. Karyawan dalam bidang kewangan itu telah aktif dengan kerja sukarela sejak lebih sedekad, bermula sebagai pemimpin pelajar semasa di universiti. Oleh ROSEBI MOHD SAH (rosebi@sph.com.sg)



**MAHU BANTU MASYARAKAT:** Sebagai seorang karyawan dalam bidang kewangan, Encik Saktiandi tidak lokek berkongsi ilmu dan kepakarannya itu dalam usaha membantu memperbaiki keadaan masyarakat Singapura termasuk masyarakat Melayu-Islam. - Foto KHALID BABA

12 Apr 2015

ROSEBI MOHD SAH

Soalan: Boleh kongsi pengalaman anda membuat kerja akar umbi?

Peranan saya dalam akar umbi termasuk menangani isu berkaitan perbandaran, hubungan kemasyarakatan, pertikaian jiran, isu mengenai pembaikan dan ubah elok yang menjadi keprihatinan penduduk di ruang bersama mereka di samping lawatan ke blok untuk meneroka isu yang dihadapi para penduduk.

Pengalaman itu penuh bermakna dan saya sekurang-kurangnya tahu apa yang dihadapi penduduk Toa Payoh East. Ia tentunya memuaskan apabila anda tahu kerja yang anda lakukan sedikit sebanyak boleh menolong perbaiki kehidupan penduduk di kawasan kejiranan tanpa mengira bangsa, agama atau status pendapatan penduduk.

Soalan: Apa yang mendorong anda bergiat dalam kerja kemasyarakatan?

Bagi saya kerja-kerja sukarelawan cukup bermakna dan saya dapat menyumbang balik kepada masyarakat. Saya sudah terlibat sekitar 11 tahun lalu apabila saya mula melakukan kerja kemasyarakatan semasa saya berusia awal 30-an tahun lagi. Sekurang-kurangnya, saya dapat berkongsi kepakaran professional saya.

Masa sudah berubah. Pada masa lalu, ia merupakan satu penakatan bagi generasi perintis kita berjuang untuk kemerdekaan dan perlu bekerja keras membangunkan prasarana.

Namun bagi generasi saya yang dilahirkan dalam tahun '70-an, kami telah meraih manfaat sebahagian nusaha generasi perintis ini. Justeru, kita harus menyumbang semula kepada masyarakat, jika tidak pun, harus meneruskan kerja generasi perintis kita. Ia harus dapat memastikan masa depan lebih baik yang berpanjangan bagi anak dan cucu kita.

Saya pernah tinggal di kampung selama 10 tahun waktu muda dahulu dan sejak itu dapat menyaksikan bagaimana Singapura berubah. Saya teruja dengan perubahan pantas masyarakat dan negara.

Soalan: Menerusi pengalaman anda, apakah isu-isu yang menjadi keprihatinan masyarakat Melayu?

Isu-isu masyarakat Melayu di kejiranan Toa Payoh tidak banyak berbeza daripada masyarakat lain. Ia juga berpelbagaian. Antara isu yang pernah dilihat termasuk bantuan kewangan bagi ibu bapa tunggal dengan anak-anak kecil, keluarga dan golongan tua berpendapatan rendah di samping isu perumahan seperti permohonan flat sewa dan flat.

Justeru, factor sosio-ekonomi memainkan peranan besar dan kesan isu-isu yang timbul daripada faktor-faktor itu adalah seperti kehilangan pencari nafkah disebabkan kehilangan pekerjaan, perceraian atau masuk penjara.

Namun apa yang penting adalah memastikan anak yang terlibat dalam kes seperti itu tidak harus berada dalam keadaan yang merugikan.

Sebaliknya, mereka harus meraih yang terbaik daripada sistem yang ada tanpa kira apa yang dihadapi oleh ibu bapa mereka.

Jadi, sukarelawan dan aktivis banyak memberi tumpuan dalam memastikan kos pendidikan anak dibiayai dan ibu bapa mereka diberikan peluang mencari pekerjaan dan berusaha kuat menyara keluarga mereka dalam cara yang dapat dikekalkan.

Soalan: Bagaimanama syarakat kita yang kurang berpendidikan dapat dibantu?

Kadangkala kami rujuk kepada badan yang boleh menolong mereka termasuk Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF) bagi program susulan.

Dalam soal perumahan, kami bantu mereka bagaimana membuat rayuan kepada pihak penguasa yang relevan. Saya rasa penting juga berkongsi beberapa pilihan yang ada serta apakah bantuan yang terdapat bagi penduduk Melayu. Terutama, tidak ramai yang sedar sepenuhnya tentang perincian tertentu tentang perubahan dasar Tabung Simpanan Pekerja (CPF) yang baru, subsidi kos perubatan yang ada sekarang dan langkah-langkah Pakej Generasi Perintis.

Soalan: Apakah masyarakat berbilang kaum Singapura dapat lebih bersatu?

Saya telah melihat contoh ikatan kemasyarakatan yang kukuh atas semangat gotong-royong dan semangat kekompakan di kalangan masyarakat kejiranan kita. Saya berasa positif mengenai keupayaan masyarakat Singapura berbaik-baik antara satu sama lain.

Soalan: Bagaimana anda mengimbangi masa anda bagi pekerjaan, kerja kemasyarakatan dan keluarga?

Saya dapati pengurusan masa yang baik dan mempunyais eorang isteri yang sentiasa memberi sokongan serta hidup berkeluarga adalah penting.

Kebanyakan kegiatan akar umbi saya adalah pada hujung minggu atau waktu malam. Jadi kos melepasnya adalah kehilangan masa bersama keluarga pada waktu dalam minggu tersebut.

Namun, apabila ada sahaja masa lapang, saya luangkan masa itu bersama isteri, anak, ibu bapa dan mentua.

Dengan cara ini, saya akan menghargai lebih lagi masa yang diluankan bersama itu.

Saya juga pastikan saya akan makan malam bersama isteri dan anak setiap hari. Itulah masa-masa yang begitu berharga bagi saya.

Soalan: Apakah yang anda lakukan pada masa lapang anda dan apakah makanan kegemaran anda?

Selain meluangkan masa lapang bersama isteri dan anak, saya juga suka membaca buku mengenai fotografi jalanan dan di mana sahaja yang boleh, saya akan membawa kamera saya.

Saya juga berusaha meluangkan masa berjalan pantas atau pergi ke gim dengan isteri saya.

Makanan kegemaran saya adalah urap sayur keluban, botok-botok ikan dan ulam dengan sambal.

Soalan: Apa yang anda suka mengenai Singapura?

Saya dilahirkan di Singapura dan menyaksikan perubahannya sejak 1970-an. Sayalah penerima faedah daripada beberapa elemen positif Negara ini dan menghargai kedamaian, pelbagai kaum dan agama, prasarana baik serta sekitaran yang selamat yang disediakan Singapura untuk diri saya dan keluarga.

Saya juga berterimakasih kepada system pendidikan yang cemerlang dan peluang ekonomi yang disediakan Negara ini.

---

## BIODATA

Nama: Saktiandi Supaat

Usia: 41 tahun

Kerjaya: Naib Presiden Eksekutif, Ketua Kajian Mata Wang, Pasaran Global, Maybank

Pendidikan: Sekolah Rendah Henry Park; Raffles Institution; Maktab Rendah Katolik; Sarjana Muda Perdagangan (Kepujian), University Melbourne, Australia; Sarjana Ekonomi Gunaan, Universiti Nasional Singapura (NUS); dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Cambridge, United Kingdom.

Penglibatan Masyarakat: Anggota akar umbi di Toa Payoh East; Naib Pengerusi, Jawatankuasa Perundingan Rakyat Toa Payoh East; Kaunselor Bandaran Bishan-Toa Payoh; Kaunselor CDC Central, Panel Penyeliaan Reach; Panel Penasihat CPF dan Pengarah Lembaga, SPRING Singapore, Pengarah Lembaga Kolej Perkhidmatan Awam; Jawatankuasa PemanduSukan SEA; Pengerusi, Jawatankuasa Pemandu CLF Labs. Pernah bergiat sebagai anggota Majlis Amal (Charity Council), lembaga AMP dan Presiden Sayap Muda AMP.

Keluarga: Sudah berumahtangga. Dua anak lelaki dan seorang anak perempuan. Isteri seorang pegawai kanan kebajikan keluarga. Ibu bapa pesara.